

ARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P
ARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI RABU: 30 JUN 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10,13 HINGGA 56)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 DAN 11,12

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SULIT

No: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
 [KAPAR - PKR]
TARIKH 30 JUN2010 (RABU)

SOALAN NO. 10

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram (Kapar - PKR) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) Jumlah pelajar yang telah diambil memasuki IKBN mengikut jurusan dari tahun 2000 hingga 2010; dan
- (b) Berikan pecahan mengikut kaum bagi tahun 2000 hingga 2010.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) menawarkan 11 jurusan iaitu Personel, Fotografi, Kejuruteraan Automotif, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Makanan, Tekstil & Apparel, Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan Marin. Jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut mulai tahun 2000 hingga Jun 2010 adalah seramai 49,861 orang.
- (b) Manakala jumlah pecahan pengambilan pelajar mulai tahun 2000 hingga Jun 2010 mengikut kaum adalah seperti berikut:

KAUM	JUMLAH
Melayu	43,645
Cina	870
India	483
Lain-lain	4,863
Jumlah	49,861

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. Datuk ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]
TAR1KH	30.06.2010 (Rabu)

NO. SOALAN : **(3)**

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan apakah kedudukan HALAL Hub
setakat ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh
Kerajaan dari segi melindungi pengguna-pengguna Islam
daripada produk yang tidak halal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai
program dan inisiatif ke arah mencapai sasaran untuk
menjadikan Malaysia sebagai sebuah Hab Halal Global
menjelang tahun **2020**. Bagi menerajui dan

memantapkan ~" pembangunan industri halal secara menyeluruh dan komprehensif, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (***Halal Industry Development Corporation- HDC***) pada 18 September 2006.

Kerajaan juga telah mewujudkan Pelan Induk Industri Halal untuk tempoh 2008 - 2020 dengan menggariskan halatuju pembangunan industri halal Malaysia. Sehingga kini pelaksanaan Pelan ini adalah pada penghujung Fasa 1 (Fasa 1 adalah bagi tempoh 2008-2010) yang mana objektifnya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Rujukan Halal Global kepada pengetahuan asas integriti halal. Pelan ini sedang memasuki Fasa 2 yang memberikan tumpuan kepada objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju global kepada inovasi, pengeluaran dan perdagangan kepada sebilangan sektor berasaskan Halal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembangunan industri halal, Kerajaan mengambil pendekatan yang lebih holistik untuk membangunkan sebuah "Eko-Sistem Halal" di mana aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang rantai nilai halal ini dijangka

mampu menjana serta menyumbang pendapatan yang lebih tinggi-kepada ekonomi Negara. Penekanan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal bukan sahaja - diberi ke atas pengeluaran produk halal, malahan untuk menyediakan perkhidmatan berkaitan halal seperti perbankan dan kewangan Islam, perhotelan, pelancongan dan sebagainya.

Pihak HDC juga sedang membangunkan perkhidmatan sokongan halal. Ini adalah selaras dengan objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Rujukan Halal. Perkhidmatan sokongan halal yang dilaksanakan termasuklah pembangunan standard halal, latihan halal, pembangunan dan penyelidikan halal dan inovasi halal.

Dari segi pengeluaran produk halal, tumpuan diberi kepada empat sektor khusus untuk dimajukan iaitu makanan halal diproses terpilih, ramuan halal (***halal ingredients***), kosmetik dan produk dandanan diri halal, farmaseutikal halal dan ternakan halal.

Kerajaan sememangnya memandang serius dan melindungi pengguna-pengguna Islam daripada produk yang tidak halal. Antara langkah-langkah yang telah

diambil oleh Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan —Islam-Malaysia (JAKliVI) termasuklah— membuat pemantauan dan penguatkuasaan sijil dan logo halal bersama -Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

(KPDNKK). Akta yang digunakan dalam penguatkuasaan halal ialah Akta Perihal Dagangan 1972 yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK. Oleh itu, JAKIM sebagai pakar dalam pengurusan pensijilan halal bertindak sebagai pengesah untuk penentuan hukum atau ketulenan sesuatu logo dan sijil halal. Jika terdapat pelanggaran piawaian halal yang ditetapkan maka penguatkuasaannya oleh KPDNKK. Jika pelanggaran piawaian halal ini dilakukan oleh pemegang sijil halal JAKIM maka JAKIM boleh menggantung atau menarik balik sijil halal tersebut dan tidak dibenarkan menggunakan logo halal.

Sekiranya didapati menggunakan logo halal JAKIM tanpa sijil maka boleh diambil tindakan oleh KPDNKK di bawah Seksyen 15(1), Akta Perihal Dagangan 1972. Jika menggunakan perbhasaan halal tetapi menjual perkara/bahan/produk tidak halal maka boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perihal Dagangan

Penggunaan Perbhasaan "Halal" 1975. Sekiranya sabit kesalahan makaboleh didenda sehingga RM250,000.00 untuk kesalahan pertama dan RM500,000.00 untuk kesalahan kedua.

JAKIM menjalankan pemeriksaan -pemantauan secara mengejut melalui 2 kaedah:

- i. Pemantauan Berkaia iaitu dilakukan ke atas

pemegang sijil halal JAKIM sekurang- kurangnya sekali dalam setahun yang dijadualkan pada setiap bulan. Keutamaan pemantauan diberikan ke atas syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalaman di mana pemantauan akan dilakukan lebih dari sekali setahun.

- ii. Pemantauan Aduan Awam iaitu dilakukan bersama agensi penguatkuasa berkaitan seperti KPDNKK, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, KASTAM, Pihak

Berkuasa Ternpatan dairi lain-lain agensi yang -difikirkan
perlup • •'

No: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

DARIPADA :
PUTIH)

TUANMUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR

TARIKH

30

JUN 2010

SOALAN

14

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap perjalanan institusi latihan memandu bagi memastikan pemandu yang mendapat lesen benar-benar cekap dan berhemah bagi menurunkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa membuat pemantauan dan naziran secara berterusan terhadap perjalanan operasi Institusi Memandu khusus bagi memastikan aktiviti latihan pemanduan dijalankan secara cekap dan berkesan ke arah melahirkan bakal-bakal pemandu baru yang kompeten, berhemah dan mematuhi peraturan jalan raya. Pendekatan pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah melalui pemeriksaan aktiviti latihan teori dan amali samada secara berkala atau *ad-hoc* serta pemeriksaan rekod latihan memandu calon-calon yang dikemukakan oleh Institusi Memandu bagi tujuan pengambilan ujian memandu dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, JPJ juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan sesi dialog setiap 3 bulan sekali dengan pihak Institusi Memandu. Dialog ini bertujuan untuk menyelaras dan menyelesaikan perkara-perkara berbangkit hasil daripada pemantauan yang dilakukan terhadap operasi Institusi Memandu sebagai langkah bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian Institusi Memandu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Ht

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	30 JUN 2010 (RABU)
NO. SOALAN	NO. 15

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah kementerian bercadang untuk memberi insentif kepada industri-industri yang merawat dan menggunakan air yang telah dirawat bagi mencapai matlamat Dasar Teknologi Hijau Negara

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri yang merawat air sebenarnya telah banyak menikmati insentif daripada kerajaan. Pemain dalam industri ini terdiri daripada operator air milik kerajaan negeri ataupun pemegang konsesi yang diberikan hak untuk mengendalikan aktiviti rawatan air. Bagi operator air milik kerajaan negeri, Kerajaan melalui Kementerian ini telah memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman mudah tanpa faedah bagi membangunkan infrastruktur rawatan dan agihan air. Bagi pemegang konsesi, hak yang diberikan adalah dalam bentuk konsesi yang panjang dan kadar pulangan yang dipersetujui melalui perjanjian konsesi. Oleh yang demikian, insentif-insentif sedia ada telah banyak membantu operator-operator air dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Dalam pada itu, Kerajaan akan sentiasa menggalakkan aspek-aspek teknologi hijau diamalkan dalam sektor industri air negara. Bagi industri yang menggunakan air terawat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mereka untuk menggunakan air secara berhemah. Kerajaan juga menggalakkan industri- industri yang mengguna air dengan jumlah yang sangat banyak untuk mengitar semula air yang telah digunakan. Melalui kitaran semula air yang telah digunakan, industri-industri akan memperoleh manfaat secara terus di mana melalui proses kitaran semula itu akan mengurangkan pengambilan air dari sistem bekalan awam. Amalan ini dengan secara langsungnya akan mengurangkan kos operasi industri tersebut. Selain daripada itu, amalan ini juga perlu dilihat sebagai tanggungjawab korporat (CSR) bagi syarikat untuk mengitar semula air sebagai usaha untuk memelihara alam sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat yang merawat atau mengguna air membangunkan kaedah-kaedah yang inovatif dan selari dengan Dasar Teknologi Hijau Negara. Justeru itu, pada bulan Januari 2010 yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS), dengan izin, berjumlah RM1.5 bilion sebagai salah satu strategi Kerajaan di bawah Dasar Teknologi Hijau Negara kepada syarikat-syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau termasuklah syarikat-syarikat industri air dan pengurusan sisa.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan menanggung kadar faedah atau keuntungan sebanyak 2% setahun dan jaminan Kerajaan sebanyak 60% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan kepada mereka.

Soalan No : 16

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)
TARIKH	30.06.2010

SOALAN:

Y B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah biasiswa dan cuti bergaji yang telah diberi kepada guru-guru yang mengikuti pengajian PhD mereka dan senaraikan penerima mengikut nama, kaum dan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, dari tahun 2005 hingga tahun 2009, seramai 448 guru-guru dan pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberikan tajaan biasiswa dan cuti belajar untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang Pendidikan.

Pemberian biasiswa ini tidak mengira kaum dan diberikan berdasarkan merit yang telah ditetapkan.

Rjm 58

SOALAN NO : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]
TARIKH 30 JUN 2010
SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian akan mewujudkan Klinik 1 Malaysia di kawasan Parlimen Kalabakan, di mana jumlah rakyat kurang mampu lebih ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan Klinik 1 Malaysia dikawasan Parlimen Kalabakan. Antara kriteria penubuhan Klinik 1 Malaysia ini antara lainnya adalah ianya haruslah berada di kawasan bandar yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi dan padat dan tumpuan adalah pada golongan yang berpendapatan rendah.

Walaupun bagaimanapun, jika ianya diperlukan, Kementerian akan mengkaji keperluannya dari masa ke semasa. Kementerian juga dalam usaha mengumpul maklumat dan menyiapkan cadangan pelaksanaan penubuhan 50 Klinik 1 Malaysia tambahan sepertimana yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan RMK 10 baru-baru ini.

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] 30

TARIKH

JUN 2010 (RABU)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan telah memberi apa-apa pertimbangan terhadap tawaran Tetuan Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih semua operasi lebuh raya tol dengan harga RM50 bilion. Sekiranya tidak, kenapa Kerajaan tidak segera mengeluarkan kata putus untuk mematikan khabar angin negatif bersabit tawaran tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dewan yang mulia,

Kerajaan tidak meluluskan/menganugerahkan sebarang kontrak penswastaan kepada mana-mana syarikat swasta termasuk Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih operasi jalan tol daripada PLUS. Suka saya menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak pernah menerima permohonan daripada Asas Serba Sdn. Bhd. untuk

mengambil alih semua operasi lebuh raya bertol. Dalam hubungan ini, saya telah memaklumkan jawapan tersebut dalam sidang Parlimen yang lepas (Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kedua belas) ketika menjawab soalan yang sama.

SOALAN NO.: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Datuk Azalina binti
Dato' Othman Said
[Pengerang]

TARIKH BERSIDANG

30 Jun 2010

SOALAN

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengenai tindakan dan langkah yang diambil berhubung masalah kekurangan hospital di kawasan luar bandar terutama di Pengerang, sebagai contoh hospital yang ada ketika ini terletak agak jauh serta terpaksa menjaga 3 kawasan serentak.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memang bercadang untuk membina sebuah hospital baru di Masai, Pasir Gudang. Buat masa ini, tapak berkenaan telah dikenalpasti dan proses urusan tukarguna tanah daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berjalan. Pihak kementerian berharap selepas isu tanah ini selesai, projek ini dapat dilaksanakan dalam *second rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu antara tahun 2013 hingga 2014. Walaupun demikian, pelaksanaan projek ini kelak bergantung kepada kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Dengan siapnya Lebuhraya Senai-Pasir Gudang-Desaru nanti, adalah diharapkan supaya hospital ini dapat digunakan sepenuhnya oleh penduduk di kawasan Pengerang dan Desaru disebabkan jalan perhubungan yang semakin dekat dan memudahkan akses rakyat bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital baru.

NQ'^D

NO. AUM : 45

NO. AUP : ao

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH 30 JUN 2010
RUJUKAN 2771

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah di kawasan Ampang
dan perbandingan statistik jenayah di kawasan Ampang dengan
kawasan lain di negeri Selangor.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi tahun 2009, jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi kawasan Ibu Pejabat Polis Ampang Jaya adalah sebanyak 7,159 kes, bersamaan 13% dari jumlah keseluruhan Jenayah Indeks bagi Negeri Selangor yang berjumlah 54,443. Ia merupakan ketiga tertinggi selepas Petaling Jaya Utara (9,708) dan Subang Jaya (8,428). Jenayah Jalanan mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 1,678 kes diikuti oleh pecah rumah sebanyak 1,620 dan curi motosikal berjumlah 1,556.

Kawasan Ampang Jaya merupakan satu daripada 10 kawasan panas (hotspots) dalam Negeri Selangor. Dengan itu, inisiatif-inisiatif mengurangkan jenayah dibawah NKRA seperti "Omnipresence", pemasangan CCTV dan program Polis Komuniti turut melibatkan kawasan Ampang Jaya ini. Hasilnya bagi tempoh Januari hingga April 2010 Jenayah Jalanan telah turun sebanyak 44.6% (296 kes) berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Jenayah Indeks pula telah turun sebanyak 9.4% (227 kes) bagi tempoh yang sama.

Soalan No:if

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. Datuk Haji Wahab Haji Dolah (*Igan*)

TARIKH 30.6.2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah** menyatakan adakah Kementerian sedar masalah yang dihadapi pihak pengurusan FELCRA Berhad atau kontraktor-kontraktor dilantik mereka dengan pekebun-pekebun kecil di Kampung Nangar, Kuala Matu di Parlimen Igan dan kawasan-kawasan sekitarnya yang selalu bertelagah tentang persempadanan tanah yang mereka bangunkan. Penduduk kampung juga patut diberi pertimbangan sewajarnya untuk membangun tanah tersebut bukan sewenangnyanya diusir. Apakah tindakan Kementerian mengenai perkara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad membangunkan tanah di Parlimen Igan khususnya di Matu dan Mukah melalui dua kaedah iaitu:

- a) Projek Penyatuan dan Pemulihan; dan

b) Projek Secara Usaha Sama dengan Lembaga Pembangunan & Lindungan Tanah Sarawak (PELITA).

Projek Penyatuan dan Pemulihan adalah merupakan projek bagi tanah milik individu manakala Projek Usaha Sama pula dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri Sarawak dengan PELITA selaku pemegang amanah.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui PELITA telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan FELCRA Berhad

dalam membangunkan estet di Lot 2699, Jemoreng di Daerah Matu, seluas 5,000 hektar bermula November 2003. Pihak PELITA menentukan kawasan atau sempadan tanah yang perlu dimajukan serta mendapatkan pengesahan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak manakala FELCRA Berhad selaku pemaju hanya mengikut arahan dan memajukan tanah di kawasan yang telah ditetapkan.

Pihak kontraktor yang dilantik telah diarahkan memajukan kawasan yang ditetapkan sahaja. Namun begitu, terdapat masyarakat kampung yang mendakwa FELCRA Berhad telah memajukan tanah mereka. Bagi mengelakkan berlaku pertikaian yang lebih serius, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menghentikan kerja-kerja pembangunan tanah di kawasan yang berlaku pertikaian.

Pihak PELITA selaku pemegang amanah telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan pihak yang bertelagah berkaitan persempadanan tanah dan isu ini telah dirujuk ke mahkamah setelah tidak ada jalan penyelesaian.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta

DARIPADA MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

TARIKH SOALAN kenapa dan bil;akah Kerajaan mahu

[22] membenarkan rakyat taiwan ke Malaysia

DEWAN RAKYAT tanpa memerlukan visa.

**BAGI JAWAB
LISAN**

**Dato' Seri
Mohammad Nizar
bin Jamaluddin [
Bukit Gantang]**

30 JUN 2010

Dato' Seri

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan soalan diatas.

Ingin dimaklumkan bahawa bidangkuasa menentukan pemberian visa adalah dibawah Kementerian Dalam Negeri.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kerajaan Malaysia bagi pemegang dokumen perjalanan Taiwan mengkehendaki keperluan visa bagi kemasukan ke negara ini. Dasar ini disebabkan oleh hubungan Diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, di mana Malaysia menghormati dan mengamalkan dasar Republik Rakyat China berhubung "One China Policy". Dengan demikian Kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan dasar visa yang berbeza dengan dasar visa yang dikenakan ke atas warganegara Republik Rakyat China buat masa ini.

Sekian terima kasih

SOALAN 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISA
N**

Y.B. DATO' SRI

DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL

TOYAD [MUKAH]

TARIKH

30 JUN 2010

SOALAN

MEMINTA

MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Berapa peruntukan dan apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan industri pelancongan di luar bandar Sarawak dalam tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha mempromosi dan membangunkan sektor pelancongan di negeri Sarawak sejumlah RM 137.7 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) untuk menambah baik kemudahan dan infrastruktur serta membangunkan produk pelancongan yang inovatif di setiap kawasan tarikan pelancongan di negeri tersebut.

Antara rancangan Kementerian Pelancongan dalam membangunkan kawasan-kawasan tarikan pelancongan luar bandar di Sarawak adalah:

- (i) Menaiktaraf Kawasan Pelancongan di Homestay Kampung Melayu Tebakang, Serian;
- (ii) Menaiktaraf Kawasan Pelancongan di Homestay Telok Melano;
- (iii) Menaiktaraf Kawasan Pelancongan di Homestay Rumah Panjang Bawang Assan, Sibuh; dan
- (iv) Menaik Taraf Kemudahan Pelancongan di Taman

Rekreasi Ranchan, Serian.

Sebagai pendekatan baru, Kementerian Pelancongan sedang giat mempromosikan produk-produk pelancongan di setiap negeri melalui ikon tarikan pelancongan. Ini adalah bagi meningkatkan fokus ke atas destinasi-destinasi pelancongan yang spesifik serta menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke destinasi-destinasi tersebut. Misalnya di Sarawak, Kementerian Pelancongan mempromosikan ikon-ikon tarikan pelancongan seperti ***Kuching Waterfront, Borneo Highland Park, Sarawak Cultural Village, Batang Ai Iban Longhouse Tour***, Taman Negara Gunung Mulu, Muzium Sarawak dan Muzium Kucing.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratusan penggunaan jalur lebar (*broadband penetration*) setakat ini dan apakah peratusan berkenaan sekiranya piawaian jalur lebar *International Telecommunication Union* (iaitu 1.5 Mbps ke atas) diguna pakai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah sehingga bulan Mei 2010 adalah 36.5% yang bersamaan dengan 2.3 juta isi rumah.

Malaysia merujuk definisi jalur lebar sebagaimana Petunjuk ICT Asas (*ICT Core Indicator*) yang dikeluarkan secara bersama oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *International Telecommunication Union* (ITU) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) iaitu jalur lebar sebagai teknologi yang menyediakan kelajuan sekurang-kurangnya 256Kbps bagi kedua-dua kelajuan muat naik dan muat turun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penanda aras kelajuan 1.5Mbps yang dirujuk melalui *ITU Recommendation i.113* adalah definisi yang lebih menjurus kepada teknologi *Broadband - Integrated Service Digital Network* (B-ISDN) yang diperkenalkan untuk menampung keperluan lebar jalur yang tinggi. Bagi konteks penyampaian jalur lebar melalui berbilang teknologi, definisi berasaskan Petunjuk ICT Asas yang dirujuk secara meluas di seluruh dunia adalah lebih tepat dan relevan bagi negara seperti Malaysia.

Soalan No: ^

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. Dato' Haji Baharum Mohamed (*Sekijang*)

TARIKH 30.6.2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan kenapakah pengambilan peserta FELCRA Mukim Pagoh, Segamat dibuat secara tidak telus, di mana mereka yang memohon lebih 18 tahun yang lalu ada di antaranya tidak berjaya manakala mereka yang tidak memohon ketika itu didapati berjaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor telah meluluskan seramai 639 orang peserta FELCRA Berhad Mukim Pagoh, Segamat bagi pegangan 3 ekar satu lot melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 11 April 2007. Manakala majlis pengambilan/kemasukan peserta telah dibuat pada 6

Julai 2008. Proses pemilihan peserta adalah bermula daripada permohonan dan seterusnya temu duga.

Jawatankuasa Pemilihan Peserta FELCRA Berhad Mukim Pagoh, Segamat adalah terdiri daripada :

Pengerusi - Exco Luar Bandar Negeri Johor
Ahli - Exco Agama
- ADUN Kemelah
- ADUN Bukit Serempang
- ADUN Buluh Kasap
- ADUN Tenang
- Pentadbir Tadbir & Galian Negeri
- Pentadbir Tanah Daerah Segamat

Urus Setia - FELCRA Berhad

Berdasarkan kepada semakan yang dibuat ke atas 639 nama yang berjaya, kesemuanya mempunyai nombor giliran dan markah temu duga. Sehubungan itu, semakan lanjutan menunjukkan mereka yang terpilih semua telah melalui proses pemilihan yang telus dan adil. Pihak FELCRA Berhad hanya bertindak sebagai urus setia sahaja dan tidak terlibat di dalam proses pemilihan peserta.

Sehubungan itu, pengambilan peserta FELCRA Mukim Pagoh, Segamat telah dijalankan secara telus dan mengikut peraturan.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN :

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI

menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk Sabah sebanyak RM1 bilion yang telah dijanjikan oleh Mantan Perdana Menteri pada tahun 2008, serta senarai projek-projek yang sudah pun dilaksanakan atas peruntukan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Peruntukan tambahan Negeri Sabah berjumlah RM1 bilion merupakan peruntukan pembangunan diluluskan oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9). Daripada jumlah peruntukan RM1 bilion ini, sebanyak RM340.89 juta telah diserahkan secara geran terus ke akaun Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sabah untuk melaksanakan 67 projek di bawah kementerian-kementerian di Negeri Sabah manakala selebihnya dilaksanakan oleh SDO Sabah dan juga diagihkan ke agensi- agensi pelaksana di Negeri Sabah seperti JKR dan Jabatan Bekalan Air. Agihan peruntukan dan bilangan projek adalah seperti berikut:

Agensi	Peruntukan	Bil. Projek
JKR Sabah	RM282.61 juta	33 projek
Jabatan Bekalan Air	RM 275.48 juta	164 projek
SDO Sabah	RM 101.02 juta	3,475 projek
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sabah (secara geran)	RM 340.89 juta	67 projek
JUMLAH	RM1.0 BILION	3,739 PROJEK

Sebanyak 3,739 projek diluluskan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan ini, sehingga 15 Jun 2010 sebanyak 3,558 projek (95.16%) telah siap manakala 181 projek lagi masih di pelbagai peringkat pelaksanaan. Sejak 2008 sehingga kini, sebanyak RM603.90 juta telah dibelanjakan di bawah peruntukan ini seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)
2008	2,099,677.00	2,099,677.00
2009	398,588,336.00	397,450,367.15
2010	497,900,300.00	204,352,686.28
JUMLAH	898,588,313.00	603,902,730.43

Nota: Perbelanjaan termasuk RM340.89juta peruntukan yang diberi secara geran terus ke akaun Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sabah.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

**BERTANYAAN
DARIPADA**

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI 30

JUN 2010 (RABU)

NO.28

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kejayaan langkah-langkah Kerajaan mewujudkan Pelan Induk Pembangunan Bakat bagi melahirkan graduan berbakat dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan lebih ramai kepakaran modal insan masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teras Kedua Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu Menambahbaik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran telah menyentuh tentang hasrat Kerajaan untuk melahirkan graduan yang berketerampilan dan kebolehpasaran. Terdapat 22 Projek Agenda Kritikal PSPTN, di antaranya ialah Pembangunan Holistik Pelajar yang merupakan satu usaha untuk memastikan graduan menguasai kemahiran generik khusus iaitu Kemahiran Insaniah. Bagi tujuan ini, kementerian telah mewajibkan Modul Pembangunan Kemahiran

Insaniah (soft skills) di IPT dan memperkenalkan kokurikulum berkredit kepada pelajar.

Bagi melahirkan graduan yang berbakat, tujuh *attribute* kemahiran insaniah berikut diberi penekanan iaitu:

- i. Kemahiran komunikasi
- ii. Kemahiran pemikirari kritis
- iii. Kemahiran kerja kumpulan
- iv. Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat
- v. Kemahiran keusahawanan
- vi. Kemahiran etika dan moral keprofesionalan
- vii. Kemahiran kepimpinan

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]
TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai satu sistem mengagihkan peruntukan kepada rumah berhala seperti gereja, kuil, tokong dan

sebagainya. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada setiap tahun memperuntukkan sejumlah peruntukan khusus untuk projek fizikal keagamaan bukan Islam meliputi rumah berhala, tokong, kuil, gereja dan sebagainya. Amaun peruntukan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi projek ini adalah bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Peruntukan ini adalah dibiayai bawah Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri dan disalurkan berdasarkan permohonan dan keutamaan.

<%; S0

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : minta **MENTERI LUAR NEGERI**
DARIPADA : menyatakan :
TARIKH : a. jumlah bayaran kepada akhbar
New York Times untuk iklan
SOALAN : ucapan tahniah kepada isteri
DEWAN RAKYAT : Perdana Menteri; dan
BAGI JAWAB b. sebab-sebab mengapa
LISAN Kerajaan Malaysia
Puan menanggung bayaran untuk
Nurul iklan tersebut.
Izzah
Binti
Anwar
r [
Lemb
ah
Pantai
i]
30 JUN 2010
Puan Nurul Izzah
Binti Anwar [
Lembah Pantai]

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuantan, ke atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya memohon supaya saya diizinkan menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Subang yang dijadualkan pada 24 Jun 2010, Yang Berhormat Lembah Pantai pada 30 Jun 2010, Yang Berhormat Kota Raja pada 7 Julai 2010 dan Yang Berhormat Tanah Merah pada 8 Julai 2010 oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah serupa dengan soalan Yang Berhormat Kuantan pada hari ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri dan pihak Kerajaan tidak terlibat dalam penempahan iklan ucapan tahniah kepada YABhg Datin Sri Rosmah yang disiarkan dalam akhbar Amerika Syarikat, *The New York Times* pada 16 April 2010.

Kerajaan juga sedar terdapat pelbagai pihak yang membuat komen dan spekulasi terhadap iklan ucapan tahniah tersebut. Ini termasuk spekulasi kos penempahan iklan sepertimana yang dipaparkan dalam *The Nutgraph* pada 11 Mei 2010.

Saya juga ingin menegaskan bahawa pengiklanan tersebut adalah tindakan pihak persendirian yang tidak melibatkan sebarang bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam memberi penjelasan terhadap sebarang tindakan yang dibuat oleh pihak persendirian, termasuk mengenai soalan bayaran pengiklanan, jika ada, terhadap iklan ucapan tahniah sepertimana yang disiarkan oleh *The New York Times* pada 16 April 2010.

Sekian terima kasih

Soalan No : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN
 SYED JAAFAR (KOTA TINGGI)
TARIKH 30.6.2010
SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bertujuan untuk memperhebatkan usaha dalam subjek moral dan pendidikan Islam di sekolah-sekolah bagi menjamin di peringkat sekolah rendah lagi anak-anak kita memahami tanggungjawab mereka yang selaras dengan aspirasi negara hendak melahirkan masyarakat bernilai murni.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kurikulum yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menekankan seseorang murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan seimbang. Penguasaan ilmu dan kemahiran diberi perhatian sebagai persediaan untuk pelajaran lanjutan dan juga untuk alam pekerjaan. Di samping itu pemupukan nilai melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral juga dijalankan supaya murid disediakan untuk hidup dengan aman dan cukup bertolak ansur dalam masyarakat Malaysia yang majmuk.

Mata pelajaran Pendidikan Islam telah diajar di SK, SJK(C), SJK(T) dan SMK adalah selaras dengan kehendak Akta Pelajaran. Mulai tahun 2005, KPM telah

melaksanakan Program j-QAF (Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardu Ain) untuk memperkasakan Pendidikan Islam di sekolah rendah. Program ini dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan model-model pengajaran dan tenaga guru yang khusus. Objektif Program j-QAF ialah :

- i. Menguasai bacaan dan tulisan Jawi
- ii. Khatam Al-Quran
- iii. Menguasai asas Bahasa Arab Komunikasi
- iv. Memantapkan dan menghayati amalan fardu ain

Sehingga hari ini pelaksanaan Program j-QAF telah memberikan impak yang besar kepada murid dalam memahami tanggungjawab mereka selaras dengan aspirasi negara hendak melahirkan masyarakat bernilai murni.

Pendidikan Moral ialah mata pelajaran teras bagi murid bukan Islam pada peringkat sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan peringkat sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5). Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang menekankan pendidikan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui mata pelajaran ini, murid juga diberi pendedahan tentang aspek pengetahuan, perasaan dan amalan tingkah laku. Oleh itu, murid-murid mendapat pendedahan tentang pelbagai aspek berkaitan penerapan nilai dalam menangani gejala sosial.

Melalui transformasi kurikulum, KPM melaksanakan kurikulum baru bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah yang bermatlamat menyumbang ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti dan mengamalkan nilai-nilai murni untuk kesejahteraan negara. Beberapa perubahan baru dilaksanakan, dalam aspek nilai murni, pendekatan proses pengajaran dan

*

pembelajaran, bahan kurikulum, aktiviti amali dan pentaksiran dilaksanakan bermula dengan kelas Tahun 1 pada 2011.

Rjm 61

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

TARIKH 30 JUN 2010

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana polisi 1 Malaysia hendak dicapai di Mahkamah Rendah Kuala Lumpur di mana kesemua 22 majistretnya adalah Melayu, manakala dari 23 Hakim di Mahkamah Sesyen kesemuanya Melayu, kecuali 3 orang berketurunan India dan juga memberi jumlah mengikut komposisi kaum bagi Majistret-majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen di seluruh negara sehingga 6 Jun 2010.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Setakat 6 Jun 2010, jumlah Majistret di seluruh negara adalah seramai 173 orang yang mana seramai 157 orang adalah berketurunan Melayu, 7 orang berketurunan Cina, 1 orang berketurunan India dan seramai 8

orang dari kalangan peribumi di Sabah dan Sarawak. Pecahan komposisi majistret mengikut kaum adalah seperti di Lampiran A.

Bagi Mahkamah Sesyen pula, jumlah keseluruhan Hakim Mahkamah Sesyen adalah seramai 120 orang yang mana 104 orang adalah berketurunan Melayu, 2 orang berketurunan Cina, 4 orang berketurunan India, 1 orang berketurunan Singh dan 9 orang lagi adalah merupakan kaum peribumi dari Sabah dan Sarawak. Pecahan komposisi majistret mengikut kaum adalah seperti di Lampiran B.

Manakala di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pula, jumlah keseluruhan Majistret adalah seramai 21 orang dan kesemuanya adalah berketurunan Melayu. Sementara itu, jumlah Hakim Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur adalah seramai 22 orang yang mana 3 daripadanya adalah berketurunan India.

Permohonan pekerjaan untuk menyertai Badan Kehakiman adalah terbuka kepada semua tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan. Badan Kehakiman tidak pernah sama sekali mengamalkan sikap diskriminasi terhadap mana-mana kaum termasuklah kaum bukan Melayu terutamanya dari segi peluang pekerjaan dengan syarat pemohon mestilah mempunyai kelayakan yang secukupnya.

Sekian. Terima kasih.

MELAYU	CINA	INDIA	SINGH	SABAH & SARAWAK	JUMLAH
157	7	1	0	8	173

LAMPIRAN B

MELAYU	CINA	INDIA	SINGH	SABAH & SARAWAK	JUMLAH
104	2	4	1	9	120

SOALAN NO.: 33

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA LISAN
DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI
TARIKH ABD. MUTTALIB [MARAN]
30 JUN 2010

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan

Memandangkan kecacatan bentuk muka bumi akibat keruntuhan tebing- tebing sungai seperti Sungai Pahang terutamanya di musim hujan boleh menyebabkan dasar sungai berkenaan menjadi lebih cetek daripada yang ada sekarang jika ia berlarutan. Apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek yang sedang dirancang bagi mengatasi masalah yang berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hakisan tebing sungai merupakan satu fenomena semulajadi yang berlaku kepada sungai sebelum ia mencapai kestabilan rejim. Rejim sungai akan berubah mengikut jumlah luahan (discharge) air yang mengalir ke dalam sungai. Perubahan ini berlaku dan dipercepatkan dengan adanya aktiviti-aktiviti manusia sama ada di sungai atau di daratan seperti pembukaan tanah yang tidak terkawal untuk aktiviti pembangunan seperti pertanian, perumahan, industri, pembinaan empangan dan sebagainya, pelayaran, penebangan hutan dan lain-lain. Hakisan tebing sungai yang berleluasa menyebabkan proses pengendapan (siltation) meningkat dan mengakibatkan dasar sungai menjadi semakin cetek serta mengurangkan kapasiti sungai.

Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Malaysia melaksanakan pelbagai langkah jangka masa pendek di bawah Program Pemuliharaan Sungai-Sungai di setiap

negeri untuk meningkatkan semulajadi rejim sungai. Langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan tindakan secara struktur tetapi mesra alam dengan membina perlindungan tebing sungai untuk membaiki dan menstabil tebing. Tindakan ini melibatkan penggunaan pelbagai kaedah seperti *sand-fill mattresses*, *green terra-mesh*, *soft rock*, *maracell*, *gabion* dan pelbagai kaedah-aedqh lagi;
- ii. Melaksanakan pembersihan sungai untuk menangani masalah sampah sarap serta menjalankan kerja-kerja pengorekan enapan atau kelodak secara giat dan berkala bagi memastikan sungai mengalir lancar;
- iii. Melaksanakan penanaman pokok dan pengindahan rizab atau koridor sungai bagi memastikan sungai tidak dijadikan tempat longgokan sampah yang boleh menjejaskan kestabilan tebing sungai; dan
- iv. Mewujudkan zon rekreasi selamat dan mesra alam serta memberi ruang untuk sungai sebagai salah satu langkah kawalan pembangunan di kawasan tebing dan riparian sungai.

Sebagai penyelesaian jangka masa panjang untuk mengatasi masalah keruntuhan tebing sungai, antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil termasuk:

- i. Mewarta sungai dan rizabnya sebagai zon riparian agar zon ini tidak dicerobohi dan boleh dipelihara;
- ii. Menempatkan semula setinggian memandangkan penempatan setinggian sangat mencemarkan sungai dan menjejaskan tebing sungai;
- iii. Membuat inventori GIS (Geographical Information System) bagi lokasi-lokasi yang mengalami hakisan tebing serta mengklasifikasinya mengikut kritikal, signifikan dan tidak ketara;
- iv. Mengalih semua aktiviti tanpa lesen di tepi sungai yang menjejaskan kestabilan tebing seperti jeti, gerai, perlombongan pasir dan tapak pelupusan sampah; dan
- v. Melaksanakan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu (IRBM- Integrated River Basin Management) bagi tanah, air dan lain-lain sumber semula jadi serta aktiviti di dalam lembangan sungai, bagi memastikan pembangunan yang lestari dan produktif. Pendekatan yang meluas ini,

bukan sahaja merangkumi aspek sumber air tetapi juga aspek-aspek pengurusan persekitaran terutamanya pengawalan pencemaran, perancangan pembangunan dan pemeliharaan biodiversiti.

Sekian, terima kasih.

SOALAN HO.A

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda atau menstrukturkan semula fungsi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil agar kehadiran mahkamah ini dapat mengadili pelbagai kes yang melibatkan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan agama, seperti isu pewarisan harta dan hak penjagaan anak oleh rakyat yang baru memeluk agama Islam.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda atau menstruktur semula fungsi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi menangani isu-isu bertindih yang melibatkan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Ini adalah kerana pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dinyatakan secara jelas di bawah fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bidang kuasa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil ditadbir secara berasingan dan bebas antara satu sama lain.

Selain itu, bidang kuasa yang diperuntukkan bagi Mahkamah Syariah juga dinyatakan secara terperinci di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Kedua (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah terhad kepada undang-undang diri (*personal law*) dan undang-undang keluarga (*family law*), penentuan agama dan hukum syarak serta kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dan bidang kuasa ini hanya terhad kepada orang Islam sahaja.

Hakikatnya, Kerajaan menyedari bahawa pertikaian dan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama seperti isu pewarisan harta dan penjagaan anak oleh rakyat Malaysia yang baru memeluk Islam perlu diselesaikan segera dan tidak wajar dibiarkan berlanjutan sehingga boleh menjejaskan keharmonian masyarakat

pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Sehubungan itu, Kerajaan telah meminta Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji dan mencadangkan pindaan undang-undang yang bersesuaian. Lanjutan daripada arahan itu, suatu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pakar perundangan Syariah dan Sivil telah diwujudkan oleh Jabatan Peguam Negara khusus untuk mengkaji, berunding dan mencari pendekatan terbaik untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama tersebut.

Berdasarkan kajian dan maklum balas yang diterima daripada Jawatankuasa Khas tersebut, Jabatan Peguam Negara telah menyediakan cadangan pindaan kepada tiga undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*].

Kerajaan bersetuju supaya cadangan pindaan kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*], Akta Pentadbiran Undang-Undang-Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*] dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja pada 29 Jun 2009 di Istana Negara sebelum dibentangkan di Parlimen kerana menyentuh hak dan kepentingan umat Islam di negara ini. Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Khas itu, Kerajaan telah mengemukakan cadangan pindaan undang-undang tersebut kepada semua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), iaitu antara bulan Ogos hingga Oktober 2009 bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan MAIN. Setelah kesemua MAIN bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut, barulah

cadangan pindaan itu akan dibentangkan di Parlimen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH 30 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI

menyatakan adakah Kerajaan bercadang agar beberapa orang pelajar di kawasan luar bandar dalam sesebuah Parlimen Sibuti diberi biasiswa walaupun keputusan mereka tidak semestinya mencapai semua A cemerlang dengan syarat pelajar tersebut merupakan pelajar paling cemerlang dalam sekolah itu.

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun berdasarkan kriteria/asas pemilihan yang telah ditetapkan seperti

NO. SOALAN:

kecemerlangan akademik, kegiatan ko-kurikulum, prestasi temu duga, dan latar belakang sosioekonomi keluarga.

Pelajar-pelajar yang memohon penajaan JPA bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama perlu melepasi syarat minima 9A- dalam mata pelajaran utama mengikut kesesuaian bidang pengajian yang dipohon. Calon- calon Bumiputera Sabah dan Sarawak telah disediakan kategori khas iaitu sebanyak 10% daripada jumlah penajaan JPA. Semua calon Bumiputera Sarawak yang melepasi syarat minima akan ditawarkan penajaan sebagaimana diperuntukkan dalam kategori tersebut.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH

RABU, 30 JUN 2010

**RUJUKAN
SOALAN**

08 [PR-1232-L37178]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bagaimanakah sambutan penjualan rumah PPR dan bilakah tindakan pembekuan penyewaan rumah pangsa dan PPR akan ditarik balik berikutan semakin ramai rakyat yang terdesak untuk menyewa dan bagaimana pula kedudukan rayuan-rayuan penduduk bagi kawasan-kawasan yang tidak dijual (hanya disewa sahaja).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, sambutan terhadap penjualan rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) MTEN dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 10 Oktober 2009, adalah **amat menggalakkan**.

Setakat 25 Jun 2010, seramai **23,194** orang penyewa, atau **66%** daripada 35,087 yang layak, telah menyatakan minat mereka untuk membeli unit- unit PPR MTEN dan PA DBKL yang ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekuan terhadap penyewaan PPR MTEN dan PA DBKL telah ditarik balik berkuat kuasa 1 April 2010. Manakala, bagi unit PPR MTEN dan PA DBKL di kawasan yang tidak tersenarai untuk dijual, perkara itu masih di peringkat kajian perancangan sebelum sebarang keputusan muktamad mengenainya dibuat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE 30

JUN 2010 (RABU)

NO.37

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS di negara ini memenuhi keperluan sektor pekerjaan dan bukannya melebihi daripada keperluan yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program di IPT terutamanya IPTA tidak semuanya ditawarkan untuk memenuhi keperluan pasaran. Terdapat juga program-program yang ditawarkan bertujuan untuk menjamin kesinambungan disiplin-disiplin ilmu tertentu, umpamanya program Pengajian Melayu, Pengajian Cina Kuno, Pengajian India, Geografi, Astronomi dan Arkeologi.

Bagi program-program pengajian yang bersifat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, kementerian ini dengan kerjasama kementerian lain dan juga badan profesional menyediakan *blueprint* halatuju jangka panjang sesebuah program pengajian agar selari dengan unjuran keperluan guna tenaga. Perancangan ini penting bagi memastikan sesuatu bidang itu terus *relevan* dengan keperluan pasaran dan tidak melebihi permintaan. Sebagai contoh, kerajaan telah melaksanakan penangguhan sementara (*moratorium*) kursus diploma kejururawatan yang berkuatkuasa pada Julai 2010 untuk memastikan agar lulusan jururawat tidak melebihi permintaan.

Disamping itu, bagi memastikan program pengajian menepati permintaan, setiap IPT perlu menjalankan kajian mengenai permintaan pasaran terhadap graduan yang bakal dilahirkan oleh setiap program sebelum program berkenaan dipertimbangkan untuk kelulusan kementerian.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN

	<u>DEWAN RAKYAT</u>
	<u>MALAYSIA</u>
PERTANYAAN	LISA
DARIPADA	N
	TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
KAWASAN	SELAYANG
TARIKH	30.06.2010 (RABU)
NO. SOALAN	38

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana bagi mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada bank dan agensi Kerajaan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mapan dan seimbang. Justeru itu, Kerajaan komited untuk

memastikan PKS mendapat akses kepada pembiayaan kewangan secara berterusan. Walau bagaimanapun, segelintir PKS masih menghadapi beberapa masalah seperti berikut:

- kekurangan caqaran.
- tiada rekod kewangan,
- kurang pemahaman tentang peluang pembiayaan dan masa yang diambil untuk mengemukakan dokumen sokongan bagi permohonan pinjaman.

Bagi menangani masalah tersebut, pelbagai inisiatif telah dan akan diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi Kerajaan lain bagi membantu PKS termasuk:

- i) Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGCMB) untuk membantu dan membangunkan PKS berdaya maju, untuk mendapat akses kepada pembiayaan.
- ii) Pembiayaan Mikro- Produk Pembiayaan Mikro yang ditawarkan oleh enam (6) bank komersial dan tiga (3) institusi kewangan pembangunan, mempunyai ciri-ciri mudah, cepat dan senang.
- iii) Biro Kredit PKS (SME Credit Bureau) berperanan sebagai pusat maklumat kredit yang komprehensif menyediakan penilaian kredit yang bebas bagi membantu PKS

memperolehi akses kepada pembiayaan dengan mengatasi persepsi negatif terhadap PKS sebagai goiongan yang berisiko tinggi.

- iv) Skim Penstrukturan Semula Hutang Kecil (Small Debt Resolution Scheme) oleh BNM untuk membantu PKS yang mempunyai kesukaran untuk membayar balik pinjaman mereka, di mana PKS boleh mendapatkan bantuan penyusunan semula pinjaman.
- v) Institusi perbankan, Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) dan BNM juga menyediakan khidmat nasihat kewangan yang komprehensif bagi PKS untuk menyalurkan pertanyaan dan aduan serta meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu kewangan. Pemohon yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan boleh membuat aduan di Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) atau BNMTELELINK.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah awai bagi membantu PKS mendapatkan akses kepada kemudahan kredit semasa krisis kewangan global dengan menyediakan komitmen kewangan berjumlah RM15.6 bilion semenjak Julai 2008. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing syarikat Malaysia supaya lebih bersedia untuk merebut

peluang-peluang perniagaan yang baru susulan pemulihan ekonomi global.

Di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10). Kerajaan juga telah mengumumkan perkara-perkara berikut:

- i. Peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion untuk Skim Jaminan Modal Keria. menjadikan jumlah keseluruhan Skim ini sebanyak RM10 bilion;
- ii. Penubuhan Dana Inovasi Mudharabah (MIF) melalui peruntukan sebanyak RM500 iuta bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat modal teroka kerajaan;
Penubuhan Dana Perkembangan Perniagaan sebanyak RM150 iuta bagi merapatkan jurang pembiayaan antara pengkomersilan peringkat awal dan pembiayaan modal teroka bagi produk berteknologi tinggi;
- iv. Penambahan peruntukan kewangan kepada SME Bank dan AgroBank untuk membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang berkesan kepada PKS;
- v. Penyediaan peruntukan yang mencukupi kepada SME Corp. Malaysia bagi memastikan PKS yang berpotensi mendapat bantuan yang bersesuaian; dan

- vi. Memberi akses kemudahan mikro kredit kepada pekerja ladang yang berminat untuk memulakan perniagaan kecil.

Kerajaan akan terus membantu pembiayaan kewangan untuk membentuk PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan selari dengan Model Ekonomi Baru. Dalam hal ini, lebih banyak skim pinjaman mudah akan disediakan dan skim geran dihadkan untuk melahirkan PKS yang menepati hasrat Kerajaan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING@ WILFRED [TUARAN]**

TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis kenderaan persendirian yang boleh dilesenkan untuk mengangkut penumpang di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak dan nyatakan kawasan-kawasan yang terlibat.

JAWAPAN : YB. DATUK L1EW VUI KONG

TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak menetapkan kenderaan persendirian yang boleh

SOALAN NO: 40

dilesenkan sebagai kenderaan pengangkutan awam untuk membawa penumpang di kawasan pedalaman Sarawak adalah jenis sedan, pacuan empat roda, van, *Multi Utility Vehicle* (MUV), *Multi Purpose Vehicle* (MPV) serta *Sport Utility Vehicle* (SUV). Kawasan-kawasan pedalaman yang terlibat adalah kawasan tanah tinggi, kawasan balak dan juga di daerah-daerah kecil di negeri Sarawak seperti di Sungai Asap, Bario, Bakelalan dan sebagainya.

Manakala di Sabah pula, LPKP Sabah telah menetapkan syarat-syarat khas bagi melesenkan kenderaan pengangkutan awam adalah daripada jenis kenderaan yang sesuai digunakan untuk membawa penumpang di kawasan pedalaman seperti berikut:

- (a) kenderaan jenis *Short Wheel Base* (SWB) seperti Van Toyota Liteace, Nissan Vannette dan Nissan C20; atau

SOALAN NO: 39

- (b) kenderaan jenis *Long Wheel Base (LWB)* seperti Toyota Hiace, Nissan Urvan dan Ford Maxi.
(kedua-dua jenis kenderaan ini digunakan bagi Kelas Lesen Bas Mini dengan bilangan penumpang 8 sehingga 25 orang)

- (c) Manakala bagi Kelas Lesen Kereta Sewa, jenis kenderaan yang sesuai adalah dari jenis sedan, pacuan empat Roda dan MPV.

Kenderaan-kenderaan jenis ini beroperasi di kawasan pendalaman seperti berikut:

Beluran, Keningau, Kinabatangan, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Kunak, Lahad Datu, Nabawan, Pitas, Ranau, Tambunan, Telupid, Tenom, Tongod, Pensiangan, Sook, Kalabakan, Luasong dan Brantian.

Sekian. Terima kasih.

No: 40

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 30.06.2010

SOALAN NO 40

YB Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan prestasi semasa syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) khasnya butiran terperinci kerugian ditanggung oleh Sime Darby dan Pos Malaysia serta tindakan yang diambil terhadap amalan pembaziran, kecurangan dan penyelewengan dalam GLC.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi prestasi, kebanyakan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mencatatkan keuntungan. Walau bagaimanapun, terdapat syarikat yang terpaksa membuat peruntukan kerugian seperti Sime Darby Bhd (Sime Darby).

2. Peruntukan kerugian oleh Sime Darby adalah ke atas empat projek di bawah Bahagian Tenaga dan Utilitinya bagi tempoh dari permulaan setiap projek hingga suku ketiga tahun kewangan 2010. Empat projek tersebut adalah:

- i. projek Qatar Petroleum;
- ii. projek Maersk Oil Qatar;
- iii. projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ

(Projek Marin); dan

iv. projek empangan hidroelektrik Bakun.

3. Peruntukan kerugian bagi projek-projek tersebut perlu dilaksanakan disebabkan oleh kelewatan dan lebih kos. Butiran terperinci bagi empat projek tersebut adalah:

i. projek Qatar
Petroleum telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, projek telah mengalami beberapa kelewatan dan lebih kos yang mengakibatkan kerugian di mana lebih kurang RM512 juta telahpun diambilkira. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek Qatar Petroleum bagi tuntutan kos lebih tersebut.

ii. projek Maersk Oil
Qatar telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan dan lebih kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM159 juta untuk suku ketiga tahun 2009 dan RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Jumlah kerugian projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek Maersk Oil Qatar masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.

iii. projek Marin
membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda (Derrick Lay barge) untuk digunakan dalam Projek Maersk Oil Qatar. Terdapat kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah telah membuat peruntukan sebanyak RM155 juta iaitu jumlah yang telah dibayar sehingga kini. Pihak Pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang

ada pada masa ini.

- iv. projek empangan hidroelektrik Bakun, dalam mana Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%, telah diperolehi pada September 2002 dan dijadualkan siap pada September 2007. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor, tarikh siap projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Pihak pengurusan menganggarkan peningkatan kos sebanyak RM450 juta boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan bagi keputusan tahun kewangan 2010, dan jumlah ini telah diperuntukkan. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap lanjutan menurut kontrak tambahan adalah Jun 2010, berdasarkan kerja-kerja tambahan dan perbincangan berterusan dengan klien. Tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal.

4. Berbagai langkah telah diambil oleh Sime Darby bagi menyelesaikan masalah ini disamping langkah mengelakkan perkara ini dari berulang. Perunding- perunding telah dilantik untuk mengkaji struktur pelaporan dan organisasi yang dicadangkan oleh pihak Lembaga Pengarah Sime Darby serta bagi melaksanakan audit forensik. Pada masa yang sama, sebuah firma guaman bebas telah dilantik untuk melaksanakan penyiasatan susulan untuk menentukan kepertanggungjawaban (*culpability*) berdasarkan penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja ke atas empat projek utama Bahagian Tenaga & Utiliti iaitu Projek Qatar Petroleum, Projek Maersk Oil Qatar, Projek Marin dan Projek empangan hidroelektrik Bakun. Audit forensik ini masih berjalan dan keputusan serta cadangan akhir akan dimuktamadkan kemudian.

5. Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) pula telah dikorporatkan dari Jabatan Pos kepada Pos Malaysia pada tahun 1992. Sejak dikorporatkan, Pos Malaysia tidak pernah mencatatkan kerugian dari segi operasi, malah ia masih mampu membayar bonus kepada kakitangannya dan membayar dividen kepada pemegang sahamnya.

6. Kerugian yang dialami oleh Pos Malaysia pada tahun 2007 dan 2008 seperti yang digembar-gemburkan di media dan menjadi perhatian umum baru-baru ini bukanlah kerugian operasi syarikat, tetapi adalah kerugian dari segi rosot nilai pelaburan Pos Malaysia dalam Transmile Group Berhad. Peruntukan kerugian rosot nilai pelaburan yang ditanggung oleh Pos Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah berjumlah RM141 juta dan RM87 juta masing-masing.

7. Masalah yang berlaku di Transmile pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh penyelewengan laporan kewangan, di mana kesahihan keputusan kewangan Transmile tidak dapat dibuktikan melalui dokumen-dokumen yang sah. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memfailkan saman kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Transmile. Langkah yang sama juga telah diambil oleh pihak pengurusan baru Transmile sendiri ke atas bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tersebut.

No: 41

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
(LABUAN)
LISAN**

PERTANYAAN

TARIKH : **30.06.2010**

SOALAN NO : **41**

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah Kerajaan sedar akan implikasi kepada pemberian lesen bola sepak sempena kempen bola sepak Piala Dunia akan datang menyebabkan bola sepak piala Malaysia turut terjebak dalam pertaruhan dan perjudian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

No: 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 29.06.2010

SOALAN NO 43

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dipulangkan kembali kepada Kerajaan oleh syarikat dan individu yang diselamatkan dari sejumlah lebih kurang lima puluh bilion ringgit yang digunakan sewaktu krisis ekonomi 1998.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi perbankan memainkan peranan yang penting di dalam sistem kewangan sesebuah ekonomi. Krisis kewangan Asia 1997-1998 telah menjejaskan sistem kewangan negara dan memberikan kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi. Sistem perbankan telah terjejas akibat daripada peningkatan ketara dalam pinjaman tidak membayar (*non-performing loans*, NPL) berikutan kelembapan aktiviti ekonomi. Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan mengambil langkah segera bagi membolehkan aktiviti pemberian pinjaman diteruskan supaya pertumbuhan ekonomi negara dapat dipulihkan.

2. Satu daripada langkah yang diambil untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan serta mengelakkan risiko sistemik adalah menubuhkan

Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada bulan Mei 1998 untuk mengurangkan tekanan NPL ke atas sistem perbankan. Langkah ini adalah untuk membolehkan institusi perbankan menumpukan semula perhatian terhadap aktiviti pemberian pinjaman tanpa dibebankan dengan tugas menguruskan aset yang bermasalah. Danaharta diberikan mandat untuk membeli, mengurus dan mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada NPL yang diambil alih tersebut.

3. Bagi memulakan operasi Danaharta, Kerajaan telah memperuntukkan RM3 bilion sebagai dana permulaan. Selain daripada itu, Danaharta juga telah membuat pinjaman dan menerbitkan bon bagi memenuhi keperluan pembiayaan bagi membeli dan menguruskan NPL. Danaharta telah membuat pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional serta daripada institusi perbankan yang berjumlah RM1.95 bilion serta menerbitkan bon bernilai RM11.14 bilion. Sehingga 31 Disember 2005, Danaharta telah menyelesaikan kesemua pinjamannya ini serta menebus semula bon yang diterbitkan.

4. Keseluruhan NPL yang dibeli dan diuruskan oleh Danaharta adalah berjumlah RM47.68 bilion pada nilai tukaran sebenar (*original transfer value*) yang melibatkan 2,902 akaun kepada 2,563 peminjam. Sehingga 31 Disember 2005, nilai pasaran NPL yang diuruskan oleh Danaharta telah meningkat kepada RM52.42 bilion, setelah mengambil kira faedah terakru aset-aset tersebut. Danaharta telah berjaya memulihkan NPL berjumlah RM30.35 bilion, iaitu RM27.47 bilion dalam bentuk tunai dan RM2.88 bilion dalam bentuk aset pemulihan berbaki (*residual recovery assets*).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Danaharta telah menamatkan operasi pada 31 Disember 2005 seperti dirancang dan pengurusan jumlah RM2.88 bilion aset pemulihan berbaki tersebut

telah diserahkan kepada Prokhas Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan untuk bertindak sebagai ejen kutipan bagi aset tersebut. Sehingga Mei 2010, Prokhas telah berjaya memungut sejumlah RM2.94 bilion lagi, lebih tinggi daripada nilai asal berjumlah RM2.88 bilion disebabkan peningkatan dalam nilai semasa aset berkenaan.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pemulihan terakhir yang dicapai oleh Danaharta adalah setinggi 58%. Kadar pemulihan tersebut adalah merupakan kadar yang tinggi jika dibandingkan dengan agensi seumpamanya di rantau ini, yang mana mencatatkan kadar pemulihan antara 20% sehingga 50% sahaja. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini telah berjaya mempercepatkan usaha pemulihan ekonomi dan mengelakkan daripada berlakunya ketidakpercayaan terhadap sistem perbankan atau *bank runs* serta mengelakkan berlakunya ketidakstabilan sosial dan politik seperti mana yang berlaku di negara-negara lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH 30 JUN 2010

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

NO. SOALAN:

pendirian Kerajaan berkenaan Cuti Bersalin selama 90 hari dan nyatakan

halangan Kerajaan untuk melaksanakannya.

JAWAPAN

YB. DATO* SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan Cuti Bersalin dari 60 hari ke 90 hari kepada pegawai Perkhidmatan Awam. Tempoh Cuti Bersalin sedia ada yang diperuntukkan adalah memadai untuk pegawai berehat dan pulih selepas bersalin.

Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan Cuti Menjaga Anak (Cuti Tanpa Gaji) selama 1,825 hari atau 5 tahun bagi membolehkan pegawai menyusu dan menjaga anaknya. Pegawai boleh mengambil kemudahan cuti ini sama ada secara sekaligus atau sebahagian daripadanya mengikut keperluan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ^{NO. SOALAN:}

AZIZ [SRI GADING]

TARIKH

: 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN

Y.B DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah usaha dan galakan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor terutama kontraktor kelas F agar berupaya meningkatkan kelas mereka dan mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk menggalakkan kontraktor kelas F meningkatkan kelas mereka ke kelas yang lebih tinggi. Salah satu usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya ialah menambahbaik mekanisme pengagihan kerja oleh kontraktor kelas A kepada sub- kontraktor bagi projek RMKe-9 yang bernilai RM10 juta dan ke atas. Melalui usaha penambahbaikan ini, agihan kerja tidak lagi dihadkan kepada kelas F semata-mata sebagaimana mekanisme asal tetapi turut diperluaskan kepada kontraktor Kelas E bagi skop kerja yang bernilai antara RM200.000 hingga RM500.000. Ini bermakna peluang-peluang kerja di peringkat Kelas E juga akan bertambah dan dengan insentif ini diharapkan dapat menggalakkan kontraktor Kelas F meningkatkan kelas mereka ke kelas lebih tinggi. Nilai kerja kontrak yang akan diberikan kepada kelas F (termasuk kelas E) akan dibuat secara sebutharga di kalangan kontraktor. Melalui kaedah sebutharga ini, ia akan mendidik kontraktor-kontraktor kelas F terutamanya cara-cara membuat penganggaran untuk mendapatkan kerja-kerja kontrak. Dengan ini, kontraktor-kontraktor akan lebih berusaha meningkatkan kemahiran masing-masing seterusnya berkemampuan untuk ke kelas yang lebih tinggi, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan kontraktor Bumiputera yang berkualiti dan berdaya saing.

No: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)
PERTANYAAN	LISAN 30.06.2010
TARIKH	46
SOALAN NO	

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca- punca kerugian besar yang ditanggung oleh Pos Malaysia dan Sime Darby seperti yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) telah dikorporatkan dari Jabatan Pos kepada Pos Malaysia pada tahun 1992. Sejak dikorporatkan, Pos Malaysia tidak pernah mencatatkan kerugian dari segi operasi, malah ia masih mampu membayar bonus kepada kakitangannya dan membayar dividen kepada pemegang sahamnya.

2. Kerugian yang dialami oleh Pos Malaysia pada tahun 2007 dan 2008 seperti yang digembar-gemburkan di media dan menjadi perhatian umum baru-baru ini bukanlah kerugian operasi syarikat, tetapi adalah kerugian dari segi rosot nilai pelaburan Pos Malaysia dalam Transmile Group Berhad. Peruntukan kerugian rosot

nilai pelaburan yang ditanggung oleh Pos Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah berjumlah RM141 juta dan RM87 juta masing-masing.

3. Masalah yang berlaku di Transmile pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh penyelewengan laporan kewangan, di mana kesahihan keputusan kewangan Transmile tidak dapat dibuktikan melalui dokumen-dokumen yang sah. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memfailkan saman kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Transmile. Langkah yang sama juga telah diambil oleh pihak pengurusan baru Transmile sendiri ke atas bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tersebut.

4. Bagi Sime Darby Bhd pula, punca kerugian berjumlah RM1.7 bilion adalah disebabkan oleh kelewatan dan lebihan kos ke atas empat projek di bawah Bahagian Tenaga dan Utilitinya bagi tempoh dari permulaan setiap projek hingga suku ketiga tahun kewangan 2010. Empat projek tersebut adalah:

- i. projek Qatar Petroleum;
- ii. projek Maersk Oil Qatar;
- iii. projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ (Projek Marin); dan
- iv. projek empangan hidroelektrik Bakun (Projek Bakun)

5. Secara terperinci, masalah bagi setiap projek tersebut adalah seperti berikut:

- i. projek Qatar Petroleum telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, projek telah mengalami beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian di mana lebih kurang RM512 juta telahpun diambilkira. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek Qatar Petroleum bagi tuntutan kos lebihan tersebut.
- ii. projek Maersk Oil Qatar telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan

dan lebih kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM159 juta untuk suku ketiga tahun 2009 dan RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Jumlah kerugian projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek Maersk Oil Qatar masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.

- iii. projek Marin membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda (Derrick Lay barge) untuk digunakan dalam Projek Maersk Oil Qatar. Terdapat kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah telah membuat peruntukan sebanyak RM155 juta iaitu jumlah yang telah dibayar sehingga kini. Pihak Pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang ada pada masa ini.
- iv. projek empangan hidroelektrik Bakun, dalam mana Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%, telah diperolehi pada September 2002 dan dijadualkan siap pada September 2007. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor, tarikh siap projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Pihak pengurusan menganggarkan peningkatan kos sebanyak RM450 juta boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan bagi keputusan tahun kewangan 2010, dan jumlah ini telah diperuntukkan. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap lanjutan menurut kontrak tambahan adalah Jun 2010, berdasarkan kerja-kerja tambahan dan perbincangan berterusan dengan klien. Tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal.

SOALAN NO : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]
TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang tahap prestasi negara ini dalam rangka menghampiri status negara maju menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1991 iaitu semasa Wasawan 2020 dilancarkan, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 5.8 peratus setahun. Sehubungan dengan itu, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara telah meningkat daripada RM7,430 atau AS\$2,702 pada tahun 1991 kepada RM26,420 atau AS\$8,256 pada tahun 2010 berbanding anggaran minimum PNK per kapita bagi kategori negara maju sebanyak AS\$ 12,387. Walaupun masih terdapat jurang dari segi pencapaian PNK per kapita, namun banyak kemajuan telah dicapai dari segi transformasi ekonomi daripada sebuah negara berasaskan pertanian kepada negara berasaskan pembuatan dan perkhidmatan disamping pembangunan infrastruktur dan

kemudahan sosial yang serba moden, yang setanding dengan negara maju.

Kerajaan adalah komited untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju. Sehubungan itu, dasar dan strategi di bawah RMKe-10 sebagaimana dibentang di Dewan yang mulia ini pada 10 Jun 2010, adalah bertujuan untuk mencapai sasaran pertumbuhan sebanyak 6% setahun dan meningkatkan PNK per kapita dijangka meningkat kepada AS\$12,139 pada tahun 2015. Sekiranya pertumbuhan ekonomi dikekalkan di sekitar 5.5% setahun bagi tempoh 2016 hingga 2020, PNK per kapita dijangka meningkat kepada AS\$17,000 pada 2020 berbanding anggaran minimum PNK per kapita negara maju di sekitar AS\$14,800.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar untuk mencapai sasaran 6% setahun dalam RMKe-10 bukanlah mudah. Kerajaan juga sedar bahawa pertumbuhan negara telah mula perlahan dan sekiranya tiada transformasi ekonomi yang menyeluruh dilaksana, Malaysia akan ketinggalan dan terus terperangkap dalam ekonomi pendapatan sederhana. Ini lebih-lebih lagi apabila Malaysia menghadapi persaingan yang lebih hebat pada masa ini terutamanya dalam persaingan untuk menarik pelaburan langsung asing serta meningkatkan eksport berbanding negara serantau.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan telah memperkenalkan Model Baru Ekonomi untuk mentransformasikan ekonomi ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti dengan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan inovasi. Pada₂ masa yang sama, sektor awam

bertindak sebagai pemudah cara. Sasaran pertumbuhan RMKe-10 ini akan disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya daripada pelaburan swasta yang lebih dinamik. Ke arah ini, prosedur dan proses yang boleh melambatkan aktiviti ekonomi akan dipinda supaya lebih mesra pasaran. Selain itu, ke arah menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, sumber, bakat, teknologi dan inovasi sektor swasta perlu digerakkan supaya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang lebih berkesan. Tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan produktiviti terutamanya menerusi usaha meningkatkan kemahiran, membangunkan kluster perindustrian, menumpukan kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti nilai ditambah tinggi serta meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Kerajaan yakin melalui Model Baru Ekonomi di samping 5 teras strategik RMKe-10, sasaran pertumbuhan dan peningkatan PNK per kapita ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Kemahiran di kolej-kolej FELDA dan kolej luar iaitu Kolej KINI, Institut Teknologi Utama (ITU), Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Negara (IKN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain pusat latihan. Sehingga kini, seramai 29,243 orang generasi FELDA telah dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran. Selain itu, kursus diperingkat Diploma turut ditawarkan di Universiti LimKokWing dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) serta kursus di bawah seliaan Malaysian Airlines System (MAS) iaitu *Trainee Aircraft Maintenance Engineer (TAME)* dan *Trainee Junior Technician (TJT)*.

Justeru itu, pelbagai langkah telah dimainkan Kerajaan dalam memastikan generasi FELDA mendapat pendidikan tertinggi.

00 0000 00 0000 0000 00

SOALAN (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN	
TARIKH	30 JUN 2010 (RABU)	
DARIPADA	Y.B. TUAN KAMALANATHAN PANCHANATHAN (HULU SELANGOR)	A/L

SOALAN

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU SELANGOR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian boleh membaik-pulih projek-projek perumahan yang terbengkalai dan terbiar di kawasan Bukit Beruntung supaya ianya boleh digunakan semula untuk menubuhkan institusi latihan vokasional yang boleh dimanfaatkan oleh belia-belia di Hulu Selangor. Sekiranya ia berlaku maka 'Bukit Beruntung akan menjadi bukit yang membawa untung'.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku penyelaras/*mediator* pemulihan projek perumahan terbengkalai sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Sehingga 31 Mei 2010, KPKT telah mengenal pasti sebanyak dua (2) projek perumahan terbengkalai di kawasan Bukit Beruntung. Kedua-dua projek tersebut adalah seperti berikut

BIL	NAMA PROJEK/LOKASI	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
1	Desa Beruntung, Ulu Yam, Ulu Selangor, Selangor	875	585
2	Lembah Beringin, Kerling, Ulu Selangor, Selangor	902	639

Pada ketika ini, KPKT sedang mengenalpasti pemaju penyelamat (*white knight*) memulihkan kedua-dua projek tersebut.

Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan Institusi Latihan Vokasional yang boleh dimanfaatkan oleh belia-belia di Hulu Selangor atau apa jua projek Kerajaan adalah tidak wajar dan munasabah di atas beberapa faktor seperti berikut:-

- (a) Bangunan kediaman itu telah dimiliki oleh pembeli rumah;
- (b) Syarat kegunaan tanah adalah untuk tujuan "bangunan kediaman" sahaja;
- (c) Tapak projek adalah menjadi hakmilik pemaju (persendirian) dan perlu melalui proses pengambilan tanah oleh Kerajaan yang melibatkan kos yang tinggi; dan
- (d) Pembeli rumah masih mempunyai hak ke atas rumah yang dibeli melalui Perjanjian Jual dan Beli.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN**

**LISAN
Y.B. TUAN LIM LIP ENG
SEGAMBUT**

TARIKH

30.06.2010 (Rabu)

NO. SOALAN

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG⁵⁰ minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan senarai 20
negara asing terbesar yang menerima pelaburan dari
Malaysia mengikut jumlah dan jenis perniagaannya.**

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

**Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara
Malaysia. 20 negara asing yang menerima pelaburan
terbesar dari Malaysia bagi tahun 2009. adalah:**

- i. Singapura. dengan pelaburan bernilai RM5.8 bilion:**

- ii. Hong Kong. SAR. dengan pelaburan bernilai RM4.3 bilion:
- iii. Mauritius, dengan pelaburan bernilai RM3.4 bilion:
- iv. Indonesia, dengan pelaburan bernilai RM2.2 bilion:
- v. Belanda. dengan pelaburan bernilai RM1.9 bilion:
- vi. Amerika Svarikat, dengan pelaburan bernilai RM1.9 bilion:
- vii. Kepulauan Cayman, dengan pelaburan bernilai RM1.8 bilion:
- viii. Thailand, dengan pelaburan bernilai RM1.3 bilion:
- ix. United Kingdom, dengan pelaburan bernilai RM976.0 juta;
- x. Bahamas, dengan pelaburan bernilai RM946.0 iuta:
- xi. Republik Rakvat China, dengan pelaburan bernilai RM901.0 iuta:
- xii. Vietnam, dengan pelaburan bernilai RM805.0 iuta:
- xiii. Luxembourg, dengan pelaburan bernilai RM741.0 juta;
- xiv. Emirivah Arab Bersatu. dengan pelaburan bernilai RM655.0 iuta:
- xv. Australia, dengan pelaburan bernilai RM542.0 iuta:
- xvi. Belgium, dengan pelaburan bernilai RM512.0 iuta:
- xvii. Kanada. dengan pelaburan bernilai RM414.0 iuta:
- xviii. Denmark, dengan pelaburan bernilai RM387.0 iuta:

- xix. Bahrain, dengan pelaburan bernilai RM350. iuta: dan
xx. Myanmar, dengan pelaburan bernilai RM305.0 iuta:

Secara amnya, pelaburan langsung Malaysia ke luar negara pada tahun 2009 disalurkan kepada sektor perkhidmatan (46%), minyak dan gas (38%) dan perkilangan (6%). Sektor perkhidmatan tertumpu kepada minyak dan gas, perbankan dan telekomunikasi. manakala sektor perkilangan tertumpu dalam aktiviti huluan dan hiliran yang berkaitan dengan minyak sawit.

NO SOALAN : 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
TARIKH	30 JUN 2010

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah masalah dasar yang dihadapi oleh peneroka FELDA. Selain pampasan, apakah tindakan lain yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

JAWAPAN	DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM
---------	---

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita saya mengambil maklum soalan Yang Berhormat mengenai masalah dasar yang dihadapi oleh peneroka FELDA. Mengikut kefahaman, soalan Ahli Yang Berhormat adalah berkaitan masalah pampasan bagi pengambilan balik tanah peneroka yang diambil oleh Kerajaan bagi tujuan projek pembangunan yang dijalankan. Di antara projek pembangunan yang

melibatkan bayaran pampasan tanah ialah projek lebuhraya, laluan pemasangan paip air, laluan TNB atau seumpamanya.

Jika terdapat pelaksanaan projek yang dilakukan oleh Kerajaan, pengambilan balik tanah dilakukan menurut *Seksyen 3 (1)(a)*, Akta Pengambilan Tanah 1960 yang menyatakan bahawa '*Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan bagi apa-apa maksud awam*'. Di bawah akta ini, bayaran pampasan tanah adalah berdasarkan kepada nilai semasa yang ditentukan oleh Kerajaan bagi tanah yang diambil. Pemilik tanah boleh mengemukakan rayuan kepada pihak bertanggungjawab jika tidak berpuas hati dengan kadar bayaran pampasan. Selain itu, pengambilan tanah dan bayaran pampasan dikendalikan secara berhemah yang mana pemilik tanah atau peneroka diberi peluang dan maklumat projek yang akan dijalankan.

Setakat ini, jika ada peneroka yang terlibat dengan projek berkaitan mereka telahpun diberi pampasan yang wajar mengikut prosedur yang ditetapkan.

oooooooooooooooooooo

No:52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PARLIMEN

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA
SELANGOR)**

PERTANYAAN

LISAN

30.06.2010

SOALAN NO 52

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab utama kerugian 'cost over-run' yang ditanggung oleh Sime Darby sebanyak RM1.5 bilion dalam projek-projek mega pengendalian konglomerat termasuk QP Project, MOQ Project dan Projek Hidroelektrik Bakun. Apakah langkah-langkah proaktif yang telah dikenal pasti supaya episod ini tidak berulang supaya Kumpulan Ketua Eksekutifnya (GCE) konglomerat dan GLCs seperti ini tidak dikambing-hitamkan setiap kali 'tragedi' ini berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebab utama kerugian yang ditanggung oleh Sime Darby Bhd adalah disebabkan oleh kelewatan dan lebih kos bagi empat projek di bawah Bahagian Tenaga dan Utilitinya. Secara ringkas, maklumat bagi setiap projek tersebut adalah seperti berikut:

- a. projek Qatar Petroleum telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, projek telah mengalami beberapa kelewatan dan lebih kos yang mengakibatkan

kerugian di mana lebih kurang RM512 juta telahpun diambilkira. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek Qatar Petroleum bagi tuntutan kos lebihan tersebut.

- b. projek Maersk Oil Qatar telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM159 juta untuk suku ketiga tahun 2009 dan RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Dengan mengambil kira keuntungan tahun sebelumnya, jumlah kerugian bagi projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek Maersk Oil Qatar masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.
 - c. projek Marin membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda (Derrick Lay barge) untuk digunakan dalam Projek Maersk Oil Qatar. Terdapat kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah telah membuat peruntukan sebanyak RM155 juta iaitu jumlah yang telah dibayar sehingga kini. Pihak Pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang ada pada masa ini.
 - d. projek empangan hidroelektrik Bakun, dalam mana Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%, telah diperolehi pada September 2002 dan dijadualkan siap pada September 2007. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor, tarikh siap projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Pihak pengurusan menganggarkan peningkatan kos sebanyak RM450 juta boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan bagi keputusan tahun kewangan 2010, dan jumlah ini telah diperuntukkan. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap lanjutan menurut kontrak tambahan adalah Jun 2010, berdasarkan kerja-kerja tambahan dan perbincangan berterusan dengan klien. Tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal.
2. Berbagai langkah telah diambil oleh Sime Darby bagi menyelesaikan masalah ini disamping langkah mengelakkan perkara ~~ia~~ dari berulang. Perunding- perunding telah dilantik untuk mengkaji struktur pelaporan dan organisasi yang dicadangkan oleh pihak

Lembaga Pengarah Sime Darby serta bagi melaksanakan audit forensik. Pada masa yang sama, sebuah firma guaman bebas telah dilantik untuk melaksanakan penyiasatan susulan untuk menentukan kepertanggungjawaban (*culpability*) berdasarkan penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja ke atas empat projek utama Bahagian Tenaga & Utiliti iaitu Projek Qatar Petroleum, Projek Maersk Oil Qatar, Projek Marin dan Projek empangan hidroelektrik Bakun. Audit forensik ini masih berjalan dan keputusan serta cadangan akhir akan dimuktamadkan kemudian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]

TARIKH 30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah aduan melalui sms dan *tol free* kenderaan perdagangan yang diterima melanggar peraturan yang diterima sepanjang tahun lepas hingga kini dan apakah ini dapat mengheret pelaku kesalahan kemuka pengadilan dan apakah ini dapat menyelesaikan masalah pesalah di jalan raya ini terutama kenderaan berat ini.

SOALAN NO: 45

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 sehingga kini jumlah aduan yang diterima oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) melalui SMS adalah sebanyak 12,306 aduan dan talian *tol free* adalah sebanyak 4,886 aduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Notis Temu Siasat untuk hadir ke pejabat LPKP akan dikeluarkan kepada pelesen apabila sesuatu aduan terhadap pemegang lesen diterima. Sekiranya pelesen tidak hadir, Notis Tunjuk Sebab akan dikeluarkan dan jika pelesen masih juga gagal hadir, LPKP akan membekukan nombor pendaftaran kenderaan yang terlibat yang mana semua urusan pelesenan seperti membaharui lesen dan ubah syarat lesen tidak dapat dilakukan sehingga kes pemilik lesen tersebut diselesaikan.

Kesemua salah laku pemegang lesen kenderaan perdagangan yang dapat dibuktikan bersalah akan dikenakan tindakan amaran, kompaun, gantung atau batal lesen. Sehingga kini belum ada pemilik dan pemandu

SOALAN NO: 45

yang dihadapkan ke mahkamah memandangkan LPKP tidak mempunyai Bahagian Pendakwaan untuk mendakwa mereka di mahkamah.

Tuan Yang Dipertua,

Selagi sikap pemandu dan pelesen tidak berubah seperti memandu secara bahaya, tidak mematuhi peraturan jalan raya dan membawa lebih muatan untuk mengaut keuntungan, selagi itulah masalah kesalahan di jalan raya terutama kenderaan berat tidak dapat dikurangkan walaupun pelbagai tindakan telah di ambil oleh LPKP, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Sehubungan itu, dengan tertubuhnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang bertindak sebagai agensi tunggal mengawal selia kenderaan pengangkutan awam dan barangan, diharap dapat menyelesaikan masalah pesalah jalan raya terutamanya yang melibatkan kenderaan berat.

NO. SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
TARIKH	30 JUN 2010 (RABU)

SOALAN

NO. SOALAN : 54

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ciri-ciri dasar 'affirmative action' berasaskan keperluan dan nyatakan juga pendekatan, strategi dan langkah-langkah pelaksanaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh akan melaksanakan dasar tindakan afirmatif berasaskan kepada empat prinsip utama iaitu ketelusan, mesra pasaran, meritokrasi dan berasaskan keperluan. Pelaksanaan dasar ini adalah untuk memastikan pencapaian sasaran matlamat yang sama seperti Dasar Ekonomi Baru tetapi melalui kaedah pelaksanaan yang berbeza dengan penekanan diberikan lebih kepada empat perspektif seperti dinyatakan di atas.

Antara strategi yang sedang dan akan terus dilaksanakan Kerajaan adalah dengan menyediakan program pembangunan yang lebih komprehensif dan berintegrasi untuk membantu usahawan Bumiputera di sektor enterpris kecil dan sederhana (EKS) bagi menjamin akses kepada kemudahan kewangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersilan produk, bantuan teknikal dan teknologikal, serta pemasaran dan promosi.

Penekanan strategi pasaran yang selama ini memfokus kepada pasaran tempatan juga akan diubah kepada sektor dan inisiatif yang strategik, mempunyai pertumbuhan tinggi dan juga pasaran *niche*, bukan sahaja di peringkat domestic bahkan juga di luar negara. Kerajaan sentiasa komited dalam mensinergi dan meneroka usaha niaga baru melalui pendekatan berasaskan permintaan (*demand-driven*) dan memberi jaminan akan memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap usaha- usaha untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang EKS ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, bersesuaian dengan pendekatan dan penekanan kea rah negara berpendapatan tinggi.

PERTANYAAN : LISAN
DAMPAOA ; DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITING AN | K&nIngau 1
30 JUN 2010

TARIKH :

NO. SOALAN :

SOALAN :

Datuk \$®S PangHma Joseph Palrtn Kftingan | Keniftgau] minta PERDANA **MENTERI** menyatakan sama ada beliau bersetuju kehadiran ratusan ribu pendatahg asing tanpa izin yang sudah beranak-pinak sejak berabad-abad di negeri Sabah adalah ancaman jangka masa panjang terhadap keselamatan dan kedaulatan negara. Kalau setuju apakah langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin meriangani masalah pendatang asing tanpa izin demi keselamatan dan kedaulatan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN : YB. JMTO' SERIMOHAMEDNAZRI ABDULAZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MEMTER6

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, terdapat tigo (3) kategori pendatang asing di Sabah
ioitu:-

1. Pekerja Asfng merupakan kumpulan ferbesar yang bekerja d* beberapa sektor di Sabah terutamanya sektor perladangan dan pembinaan. Melalui Operasi Bersepadu yang telah dilaksanakan sejak 2008 seramai 54,130 pendatang asing Filipino dan seramai 156,600 pendatang asing Indonesia telah diberikan pas pekerja. Jumlah Ini tidak termasuk pendatang asing yang memasuki Sabah melalui pas kerja yang dikeluarkan.

2, PelorSon Perang

2,1 Pelarian Cina-Indonesia yang melarikan diri ke Sabah semasa berlaku pemberontakan Parti Komunis Indonesia (PKI) dan telah masuk ke Sabah melalui Tawau pada tahun 1965. Jumlah mereka yang berada dalam kumpulan ini adalah seramai 3,000 orang. Anggaran jumlah mereka daripada pelarian Cina-Indonesia yang berada di Sabah adalah seramai 64,000 orang. Mereka tidak didaftar oleh UNHCR sepertimana pelarian Rlipina. Oleh itu, mereka lebih dikenali sebagai pelarian terkandas Cina-Indonesia.

2.2 P ©Harlan P@rang Selatan FSSlpEna yang melarikan diri dari kampung halaman mereka akibat peperangan dan masuk ke Sabah antara tahun 1972 hingga 1984. (Cumpulan ini pada mulanya diuruskan oleh UNHCR dan Kerajaan Negeri Sabah sehingga tahun 1987 dan penyelarasan mereka kini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Jumlah pelarian yang berada di Sabah mengikut banci pada tahun 1997 adalah seramai 57/197.

3. **Pendatong Asing Tempo lilm** - agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan telah membuat operasi penangkapan berterusan dan mereka yang tidak mempunyai dokumen akan dihantar pulang ke negara asal mereka, Dari tahun 1990 hingga April 2010, sejumlah 351,991 orang PATI telah dihantar pulang k® negara asal mereka terutamanya dari Rlipina dan Indonesia. Operasi mengesan PTI telah memasuki fasa pelaksanaan melalui Operasi Bersepadu yang dilaksanakan sejak tahun 2008 dan masih diteruskan sehingga kini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN ER TECK HWA
	[BAKRI]
TARIKH	30 JUN 2010

SOALAN NO: **56**

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa 60 peratus daripada Pintasan Muar mengalami struktur jalan yang tidak rata:-

- (a) Sebab-sebab terdapat 30 buah papan tanda “jalan tidak rata” sepanjang 14 kilometer Jalan Pintas Muar; dan**
- (b) Apakah langkah-langkah susulan Kementerian untuk mengurangkan “jalan tidak rata”**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Pintas Muar (Muar *Bypass*) yang dilaksanakan secara rundingan terus, reka dan bina telah siap sepenuhnya pada 27 September 2005. Dalam tempoh kecacatan, didapati sebahagian besar daripada jalan ini telah mendap menyebabkan jalan tidak rata. Oleh yang demikian, satu kajian terhadap kerosakan Jalan Pintasan Muar telah mula dijalankan sejak bulan Januari 2008 setelah mendapati berlakunya mendapan pada permukaan jalan di beberapa kawasan terutamanya di Jambatan Parit Tiram. Mendapan ini telah menyebabkan berlakunya kerosakan turapan permukaan jalan (*pavement*) dan enapan tanah yang tidak sekata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, susulan daripada kajian kerosakan yang telah dijalankan, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja *regulating* bagi mengurangkan kesan beralun terutama di kawasan pembentung jalan. Kerja-kerja pembaikan telah mula dijalankan pada April 2010 dan dijangka selesai pada 16 Ogos 2010. Pada masa yang sama, pihak JKR telah mengambil tindakan dengan memasang papan tanda-papan tanda di beberapa lokasi yang dikenalpasti bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terpelihara sementara kerja-kerja pembaikan

yang sedang dijalankan dapat disiapkan.



